

# Lawatan PM ke Burma tingkat aktiviti perdagangan dua hala

Daripada OTHMAN MOHAMAD  
UM 18 AUG 2002

YANGON 17 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan tiba di sini esok bagi memulakan lawatan kerja dua hari, menjadikan lawatannya yang keempat ke negara ini.

Selain memupuk hubungan dua hala yang semakin akrab di antara Malaysia dan Myanmar, lawatan Dr. Mahathir dijangka menyemarakkan lagi aktiviti perdagangan dan perindustrian di kalangan pengusaha kedua-dua negara.

Kali pertama Dr. Mahathir melakukan lawatan ke Myanmar ialah pada Mac 1988 diikuti pada Mac 1998 dan sekali lagi pada Januari tahun lepas.

Lawatan Dr. Mahathir kali ini, yang diiringi oleh Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, adalah atas jemputan dan lawatan balas Pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara (SPDC) Myanmar, Jeneral Kanan Than Shwe.

Than Shwe melawat Malaysia pada September tahun lepas. Beliau juga pernah melawat Malaysia pada Ogos 1996 dan Disember 1997.

Kuala Lumpur dan Yangon (dahulunya Rangoon) mewujudkan hubungan diplomatik sejak tahun 1958 dan hubungan itu bertambah erat setelah Myanmar menyertai ASEAN.

Sejak itu enam perjanjian ber-

sama telah dimeterai termasuklah mengenai perkhidmatan udara (1976), kredit minyak sawit (1994), pengelakan cukai dua kali (1998) dan perdagangan dua hala (1998).

Selain itu dua memorandum bersama (MoU) telah dimeterai sebelum ini iaitu mengenai kerjasama di bidang pelancongan, dan kerjasama dalam bidang penerangan, kedua-duanya pada tahun lepas.

Pada kesempatan kali ini, Dr. Mahathir akan menyaksikan dua MoU dimeterai iaitu mengenai kontrak carigali gas dan minyak antara Petronas dan Kementerian Tenaga Myanmar; dan mengenai pembinaan dua mini hidro antara Tepat Teknik Sdn. Bhd. dan Kementerian Pertanian dan Pengairan Myanmar.

---

## Kerjasama

Menurut aturcara lawatan, Dr. Mahathir akan mengadakan pertemuan dengan Than Shwe di Bangunan Parlimen, petang esok, sebelum diraikan dalam jamuan rasmi oleh Than Shwe di tempat yang sama pada malam.

Kedua-dua pemimpin dijangka menggunakan peluang pertemuan tersebut ke arah meningkatkan kerjasama dua hala serta membincangkan isu-isu serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

Perdana Menteri yang mengetuai rombongan 300 orang yang

sebahagian besarnya usahawan akan berucap pada Persidangan Teknologi Malaysia-Myanmar di Hotel Sedona pada Isnin dan kemudian bertemu dengan rakyat Malaysia yang berada di negara ini di Hotel Micasa, di sini.

Pada tengah hari Dr. Mahathir dijadualkan menyaksikan upacara penyerahan Projek Makmal Sekolah Bestari di sebuah sekolah di Kamaayut dekat sini. Beliau juga akan meninjau Hospital Perubatan Tradisional di sini.

Sementara itu statistik Suruhanjaya Pelaburan Myanmar menunjukkan sehingga pertengahan bulan ini, 32 projek pelaburan dari Malaysia telah diluluskan di Myanmar, melibatkan nilai pelaburan RM2.44 bilion (AS\$642.5 juta).

Ia meliputi pembuatan (13 projek), minyak dan gas (10), pembangunan hartanah (tujuh) dan pelancongan/perhotelan (dua).

Bagaimana pun, statistik itu menunjukkan 16 daripada kelulusan projek itu telah dilaksanakan dan ia meliputi pelaburan RM691.9 juta (AS\$182.1 juta) manakala 16 lagi projek yang diluluskan belum lagi dimulakan.

Petunjuk suruhanjaya itu juga mendapati Malaysia kini menjadi rakan pelaburan keempat terbesar Myanmar selepas Singapura, United Kingdom dan Thailand. — Utusan